

January 9, 2026

Circular No. TEC/009/01/2026/W

CIRCULAR FOR MEMBERS

INLAND REVENUE BOARD

ISSUANCE OF NOTICE OF INSTALMENT PAYMENTS (CP500) AND CONCESSION ON THE IMPOSITION OF PENALTIES FOR CP500 FOR INDIVIDUALS RECEIVING EMPLOYMENT INCOME

The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (the Institute) wishes to inform members that, in its media release on December 31, 2025, the Inland Revenue Board (IRB) announced that the Notice of Instalment Payments (CP500) issued in December 2025 were based on income reported in the Income Tax Return Form (ITRF). CP500 is issued only when both employment and non-employment income are reported, in accordance with Section 107B of the Income Tax Act 1967.

In a subsequent media release on January 5, 2026, following the Prime Minister's 2026 New Year's message, the IRB announced a transitional period for individual taxpayers receiving the CP500. This applies to income from employment and non-employment sources, such as rent, interest, and royalties, for CP500 compliance for the Year of Assessment (YA) 2026. During this period, no penalties will be imposed for non-payment of CP500 instalments; however, taxpayers are encouraged to make voluntary payments to reduce outstanding tax when filing their ITRF.

Arising from the penalty concession, taxpayers with employment income only are not required to comply with the CP500 instalment payments. However, they are advised to update their income reporting in the ITRF for YA 2025 to avoid future CP500 Notices. The IRB will also contact affected taxpayers to clarify any previous income reporting errors in the ITRF.

For taxpayers wishing to amend the CP500 amount using the Form for Amendment to Instalment Payment (Form 502) based on estimated income and tax payable for YA 2026, the first amendment may be made no later than June 30, 2026 and the second amendment no later than October 31, 2026.

The Form 502) and guidance on completion of the Form 502 can be accessed here:

- [CP502 Form](#)
- [CP502 Notes](#)

Arising from the above, the IRB encourages taxpayers to report income accurately in the ITRF to ensure more efficient and orderly tax management. The IRB remains committed to strengthening support and guidance for taxpayers to facilitate transparent and efficient fulfilment of their tax obligations.

A copy each of the IRB's media dated December 31, 2025 and January 5, 2026 respectively can be accessed at:

<https://www.hasil.gov.my/media/133fz4l0/20251231-kenyataan-media-hasil-penjelasan-pengeluaran-arahan-bayaran-ansuran-cp500.pdf>; and
<https://www.hasil.gov.my/media/z3xep20l/20260105-kenyataan-media-hasil-konsesi-pengenaan-penalti-cp500-bg-individu-yg-menerima-pendapatan-penggajian.pdf>

For any related enquiries, taxpayers can reach out to the IRB via:

1. Hasil Contact Centre (HCC) at 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Overseas);
2. HASiL Live Chat
3. Feedback Form on the IRB's official portal via:
<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

Please be guided accordingly.

Disclaimer:

This document is meant for the members of The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA) only. MICPA has taken all reasonable care in the preparation and compilation of the information contained in this circular. MICPA herein expressly disclaims all and any liability or responsibility to any person(s) for any errors or omissions in reliance whether wholly or partially, upon the whole or any part of this circular.

PENJELASAN PENGELUARAN ARAHAN BAYARAN ANSURAN CP500 BAGI PENDAPATAN SELAIN DARIPADA PUNCA PENGGAJIAN

CYBERJAYA, 31 DISEMBER 2025 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa Notis Bayaran Ansuran (CP500) yang telah diserahkan kepada pembayar cukai secara berperingkat pada bulan Disember 2025 adalah berdasarkan pelaporan penerimaan pendapatan oleh pembayar cukai dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) yang dikemukakan kepada pihak HASiL. CP500 hanya dikeluarkan sekiranya pembayar cukai telah melaporkan **penerimaan pendapatan daripada punca penggajian DAN bukan penggajian**. CP500 ini dikeluarkan selaras dengan peruntukan Seksyen 107B Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967.

HASiL telah menerima aduan dan maklum balas daripada pembayar cukai yang telah menerima CP500 walaupun hanya mempunyai punca pendapatan penggajian. Berdasarkan semakan lanjut, HASiL mendapati pembayar cukai berkenaan telah membuat pelaporan yang kurang tepat dalam BNCP, di mana sebahagian pendapatan penggajian telah dilaporkan sebagai **pendapatan daripada punca dividen, faedah, sewa, royalti, pencen, anuiti dan apa-apa perolehan atau keuntungan lain**.

Sehubungan dengan itu, bagi pembayar cukai individu yang hanya mempunyai punca penggajian tetapi telah menerima CP500, pembayar cukai boleh mengemukakan **Borang Permohonan Pindaan Bayaran Ansuran (CP502) bersama borang EA/EC (Penyata Saraan Daripada Penggajian)** kepada **Meja Bantuan CP500** melalui e-mel di mejabantuanCP500@hasil.gov.my.

Sebagai panduan dan rujukan, maklumat berhubung CP502 dan Nota Penerangan CP502 boleh diakses dan dimuat turun dengan mengikuti langkah mudah berikut:

- i. Layari portal rasmi HASiL di www.hasil.gov.my;
- ii. Klik Menu **Borang > Muat Turun Borang > Lain-Lain Borang > Borang Permohonan Pindaan Bayaran Ansuran (CP502) / Nota Penerangan CP502**; atau
- iii. Capaian pantas di pautan: **Borang Permohonan Pindaan Bayaran Ansuran (CP502) dan Nota Penerangan CP502**
 - <https://www.hasil.gov.my/media/lvaduqs5/borang-cp502.pdf>
 - <https://www.hasil.gov.my/media/xejj2kk0/nota-penerangan-cp502.pdf>

HASiL menyarankan pembayar cukai melaporkan pendapatan dalam BNCP dengan betul dan tepat bagi memastikan pengurusan cukai yang lebih cekap dan teratur. HASiL komited untuk terus memperkasakan sokongan dan bimbingan kepada pembayar cukai bagi memudahkan pelaksanaan tanggungjawab percukaian secara telus dan efisien.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

RISE **BEYOND** LIMITS

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

HASiL Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 31 Disember 2025

HASiL/2026/01/05 – 02

KONSESI PENGENAAN PENALTI KE ATAS NOTIS BAYARAN ANSURAN (CP500) BAGI INDIVIDU YANG MENERIMA PENDAPATAN PENGGAJIAN

CYBERJAYA, 05 JANUARI 2026 – Susulan daripada Perutusan Tahun Baharu 2026 yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa pembayar cukai individu yang menerima Notis Bayaran Ansuran (CP500) **tidak akan dikenakan penalti dalam tahun 2026**.

Langkah ini diambil lanjutan persetujuan pihak Kerajaan untuk memberikan tempoh peralihan kepada pembayar cukai individu yang mempunyai **pendapatan daripada punca penggajian DAN juga bukan penggajian seperti sewa, faedah dan royalti** bagi pematuhan CP500 untuk Tahun Taksiran (TT) 2026.

Dalam tempoh peralihan ini, **tiada penalti akan dikenakan** sekiranya pembayar cukai tidak membuat bayaran ansuran CP500 tersebut. Walau bagaimanapun, pembayar cukai digalakkan untuk membuat bayaran ansuran CP500 secara sukarela bagi membantu mengurangkan beban bayaran baki cukai semasa pemfailan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) kelak.

Selaras dengan konsesi pengenaan penalti yang diumumkan, tiada keperluan untuk pembayar cukai yang hanya mempunyai punca pendapatan penggajian sahaja untuk mematuhi arahan bayaran ansuran tersebut. Namun demikian, pembayar cukai dinasihatkan supaya mengemas kini pelaporan penerimaan pendapatan dalam BNCP bagi TT 2025 untuk mengelakkan penerimaan arahan bayaran ansuran CP500 pada masa hadapan.

Pihak HASiL juga akan menghubungi pembayar cukai yang terlibat untuk menjelaskan sebarang kesilapan pelaporan pendapatan dalam BNCP yang telah dikemukakan oleh pembayar cukai sebelum ini.

Bagi pembayar cukai yang ingin membuat pindaan amaun CP500 melalui **Borang Permohonan Pindaan Bayaran Ansuran (CP502)** berdasarkan anggaran pendapatan dan cukai kena dibayar bagi TT 2026, pembayar cukai boleh membuat pindaan kali pertama tidak lewat daripada 30 Jun 2026 dan pindaan kali kedua tidak lewat daripada 31 Oktober 2026.

Sebagai panduan dan rujukan, maklumat berhubung CP502 dan Nota Penerangan CP502 boleh diakses dan dimuat turun dengan mengikuti langkah mudah berikut:

- i. Layari portal rasmi HASiL di www.hasil.gov.my;
- ii. Klik Menu **Borang > Muat Turun Borang > Lain-Lain Borang > Borang Permohonan Pindaan Bayaran Ansuran (CP502) / Nota Penerangan CP502**; atau

iii. Capaian pantas di pautan: **Borang Permohonan Pindaan Bayaran Ansuran (CP502) dan Nota Penerangan CP502**

- <https://www.hasil.gov.my/media/lvaduqs5/borang-cp502.pdf>
- <https://www.hasil.gov.my/media/xejj2kk0/nota-penerangan-cp502.pdf>

HASiL menyarankan pembayar cukai melaporkan pendapatan dalam BNCP dengan betul dan tepat bagi memastikan pengurusan cukai yang lebih cekap dan teratur. HASiL komited untuk terus memperkasakan sokongan dan bimbingan kepada pembayar cukai bagi memudahkan pelaksanaan tanggungjawab percukaian secara telus dan efisien.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 05 Januari 2026

Tandatangan

NOTA PENERANGAN

(a) Borang Permohonan Pindaan Bayaran Ansuran (CP502)

Sekiranya tuan tidak bersetuju dengan amaun Notis Bayaran Ansuran (CP500) tuan dibenarkan untuk meminda bayaran ansuran tersebut menggunakan borang ini. Sila isikan maklumat dengan lengkap menggunakan pen berdakwat hitam dan kembalikan ke pejabat HASiL secara serahan tangan, e-mel kepada mejabantuanCP500@hasil.gov.my, pos atau dalam talian melalui Borang Maklumbalas Pelanggan.

(b) Tarikh Akhir Permohonan Pindaan Bayaran Ansuran

Permohonan pindaan kali pertama hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada **30 Jun/ 31 Oktober 2026** dan kali kedua tidak lewat daripada **31 Oktober 2026**. Permohonan selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

(c) Tarikh Jadual Pindaan Bayaran Ansuran Berkuat Kuasa

Jika CP502 dikemukakan pada bulan tersebut, pindaan bayaran ansuran akan bermula pada ansuran berikutnya.

(d) Pengiraan Amaun Bayaran Ansuran Dipinda

Amaun Bayaran Ansuran Dipinda dikira dengan membahagikan Jumlah Bayaran Ansuran Dipinda dengan baki bilangan ansuran. Amaun sen (jika ada) hendaklah ditambah kepada ansuran akhir. Notis Pindaan Bayaran Ansuran (CP503X) akan dikeluarkan.

Contoh:	Notis Bayaran Ansuran (CP500) bagi Tahun Taksiran 2026	RM 55,400.00
	Amaun ansuran: Pertama hingga kelima	RM 9,233.00
	Keenam	RM 9,235.00

Tarikh Permohonan	Contoh 1: Pindaan pada Februari 2026	Contoh 2: Pindaan pada Oktober 2026
Jumlah Bayaran Ansuran Dipinda Tolak:	RM30,000.00	RM45,000.00
Jumlah Ansuran Sepatutnya Dibayar Sehingga Pada Tarikh Pindaan	RM 0.00	RM36,932.00 (Ansuran pertama - keempat)
Jumlah Baki Bayaran Ansuran Perlu Dibayar	RM30,000.00	RM 8,068.00
Amaun Bayaran Ansuran Dipinda	RM30,000.00/6 ansuran = RM 5,000.00 Ansuran pertama hingga keenam = RM 5,000.00	RM8,068.00/2 ansuran = RM4,034.00 Ansuran kelima dan keenam = RM4,034.00

(e) Jadual Pindaan Bayaran Ansuran

Bilangan Ansuran	Tarikh Kena Bayar	Jadual Bayaran Ansuran (RM)		
		CP500	Contoh 1: Pindaan pada Februari 2026	Contoh 2: Pindaan pada Oktober 2026
1	01/03/2026	9,233.00	5,000.00	9,233.00
2	01/05/2026	9,233.00	5,000.00	9,233.00
3	01/07/2026	9,233.00	5,000.00	9,233.00
4	01/09/2026	9,233.00	5,000.00	9,233.00
5	01/11/2026	9,233.00	5,000.00	4,034.00
6	01/01/2027	9,235.00	5,000.00	4,034.00
Jumlah		55,400.00	30,000.00	45,000.00

(f) Pengenaan Kenaikan Cukai Jika Jumlah Bayaran Ansuran Dipinda Lebih Rendah

Kenaikan cukai 10% akan dikenakan sekiranya perbezaan di antara Cukai Kena Dibayar dengan Jumlah Bayaran Ansuran Dipinda melebihi 30% daripada Cukai Kena Dibayar. Formula pengiraan kenaikan cukai adalah seperti berikut:

$$[(CKD - AP) - (30\% \times CKD)] \times 10\%$$

di mana: **CKD** - Cukai Kena Dibayar

AP - Jumlah Bayaran Ansuran Dipinda

(g) Pertukaran Alamat

Pembayar cukai boleh mengemaskini maklumat alamat surat menyurat secara atas talian melalui e-Kemaskini di Portal MyTax.

NOTA PENERANGAN

(a) Borang Permohonan Pindaan Bayaran Ansuran (CP502)

Sekiranya tuan tidak bersetuju dengan amaun Notis Bayaran Ansuran (CP500) tuan dibenarkan untuk meminda bayaran ansuran tersebut menggunakan borang ini. Sila isikan maklumat dengan lengkap menggunakan pen berdakwat hitam dan kembalikan ke pejabat HASiL secara serahan tangan, e-mel, pos atau dalam talian melalui Borang Maklumbalas Pelanggan.

(b) Tarikh Akhir Permohonan Pindaan Bayaran Ansuran

Permohonan pindaan kali pertama hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada **30 Jun/ 31 Oktober 2026** dan kali kedua tidak lewat daripada **31 Oktober 2026**. Permohonan selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

(c) Tarikh Jadual Pindaan Bayaran Ansuran Berkuat Kuasa

Jika CP502 dikemukakan pada bulan tersebut, pindaan bayaran ansuran akan bermula pada ansuran berikutnya.

(d) Pengiraan Amaun Bayaran Ansuran Dipinda

Amaun Bayaran Ansuran Dipinda dikira dengan membahagikan Jumlah Bayaran Ansuran Dipinda dengan baki bilangan ansuran. Amaun sen (jika ada) hendaklah ditambah kepada ansuran akhir. Notis Pindaan Bayaran Ansuran (CP503X) akan dikeluarkan.

Contoh: Notis Bayaran Ansuran (CP500) bagi Tahun Taksiran 2026	RM 55,400.00
Amaun ansuran: Pertama hingga kelima	RM 9,233.00
Keenam	RM 9,235.00

Tarikh Permohonan	Contoh 1: Pindaan pada Februari 2026	Contoh 2: Pindaan pada Oktober 2026
Jumlah Bayaran Ansuran Dipinda Tolak:	RM30,000.00	RM45,000.00
Jumlah Ansuran Sepatutnya Dibayar Sehingga Pada Tarikh Pindaan	RM 0.00	RM36,932.00 (Ansuran pertama - keempat)
Jumlah Baki Bayaran Ansuran Perlu Dibayar	RM30,000.00	RM 8,068.00
Amaun Bayaran Ansuran Dipinda	RM30,000.00/6 ansuran = RM 5,000.00 Ansuran pertama hingga keenam = RM 5,000.00	RM8,068.00/2 ansuran = RM4,034.00 Ansuran kelima dan keenam = RM4,034.00

(e) Jadual Pindaan Bayaran Ansuran

Bilangan Ansuran	Tarikh Kena Bayar	Jadual Bayaran Ansuran (RM)		
		CP500	Contoh 1: Pindaan pada Februari 2026	Contoh 2: Pindaan pada Oktober 2026
1	01/03/2026	9,233.00	5,000.00	9,233.00
2	01/05/2026	9,233.00	5,000.00	9,233.00
3	01/07/2026	9,233.00	5,000.00	9,233.00
4	01/09/2026	9,233.00	5,000.00	9,233.00
5	01/11/2026	9,233.00	5,000.00	4,034.00
6	01/01/2027	9,235.00	5,000.00	4,034.00
Jumlah		55,400.00	30,000.00	45,000.00

(f) Pengenaan Kenaikan Cukai Jika Jumlah Bayaran Ansuran Dipinda Lebih Rendah

Kenaikan cukai 10% akan dikenakan sekiranya perbezaan di antara Cukai Kena Dibayar dengan Jumlah Bayaran Ansuran Dipinda melebihi 30% daripada Cukai Kena Dibayar. Formula pengiraan kenaikan cukai adalah seperti berikut:

$$[(CKD - AP) - (30\% \times CKD)] \times 10\%$$

di mana: **CKD** - Cukai Kena Dibayar

AP - Jumlah Bayaran Ansuran Dipinda

(g) Pertukaran Alamat

Pembayar cukai boleh mengemas kini maklumat alamat surat menyurat secara atas talian melalui e-Kemaskini di Portal MyTax.